

PPDA cari remaja hilang di sungai

Mangsa berlatih perahu lumba berlanggar dengan tongkang

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@nstp.com.my

Betong: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak menggerakkan empat anggota penyelam Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA) bagi mengesan seorang remaja yang hilang di Sungai Beladin, di sini, sejak petang kelmarin.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi jabatan itu berkata, operasi pencarian di permukaan turut dijalankan di hilir sungai berkenaan.


"Sehingga jam 5 petang ini (semalam), operasi mencari dan menyelamat (SAR) masih dijalankan termasuk dengan bantuan anggota PPDA," katanya ketika

dihubungi semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 6 petang kelmarin, seorang remaja hilang manakala tiga cedera dan 14 lagi selamat apabila perahu lumba dinaiki mereka karam selepas berlanggar dengan tongkang di Sungai Beladin, di sini.

Mangsa, Muhammad Izzat Farhan Ismail, 16, dari Kampung Hulu Beladin, bersama 17 rakananya sedang berlatih perahu lumba di sungai berkenaan.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak

 **Sehingga jam 5 petang ini (semalam), operasi mencari dan menyelamat (SAR) masih dijalankan.**

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi

berkata, berdasarkan maklumat daripada mangsa yang selamat, perahu berkenaan dikatakan hilang kawalan sebelum merempuh tongkang lalu terbalik.

Bagaimanapun, katanya, pihak bomba hanya menerima panggilan berhubung kejadian itu pada jam 7.17 malam kelmarin.

Sejurus menerima panggilan itu, empat anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Betong dikerah ke lokasi.

"Anggota kami tiba di lokasi pada jam 9.20 malam dan mengumpul maklumat bagi memudahkan operasi mencari dan menyelamat dijalankan.

"Selepas perbincangan dengan pihak polis dan ahli keluarga mangsa, operasi mencari dan menyelamat akan dimulakan hari ini (semalam)," katanya.

Menurut jurucakap itu lagi, tiga remaja yang cedera berusia antara 14 hingga 31 tahun dirujuk ke Hospital Sarikei selepas menerima rawatan awal di Klinik Kesihatan Beladin, di sini.